

Headline **Zuriat Kita kekang buang bayi**
Date **19 May 2010**
MediaTitle **Harian Metro**
Section **Rap**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **324,097 / 1,981,000**

Language **Malay**
Page No **R2**
Article Size **538 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **11,568**
PRValue **34,703**



Zuriat Kita kekang buang bayi

Program berkonsep pendidikan siaran Astro Oasis

>>Oleh Wan Asrudi Wan Hasan
wanasr@hmetro.com.my

SABAN minggu, ada saja kes buang bayi dilaporkan menerusi media akhir-akhir ini. Walaupun pelbagai kempen giat dijalankan sama ada daripada pihak kerajaan dan swasta, perbuatan berkenaan tidak pernah terhenti.

Lalu usaha berterusan dilaksanakan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) termasuk karyawan seni tanah air untuk mengekang fenomena memalukan ini.

Terbaru, sebuah program khas Zuriat Kita diilhamkan MFDM Holdings dengan kerjasama Persatuan Jaksa Pendamai Selangor (JP) dan Karyawan Bestari Sdn Bhd untuk siaran Astro Oasis (Saluran 106).

Ia bagi memenuhi fungsi tanggungjawab sosial korporat dan program itu dihasilkan dalam 12 episod.

Program itu ke udara setiap Ahad bermula 18 Julai ini, jam 9 malam manakala tiga siaran ulangan setiap minggu pada

Isnin, jam 12 tengah hari, Rabu (11 malam) dan Jumaat (7.30 malam).

Penerbit Eksekutif MFDM Holdings, Datuk Seri Mahamad Fathil Datuk Mahmood, berkata penerbitan program berkenaan adalah sebahagian hasrat syarikat untuk menyedarkan

kepincangan dalam masyarakat.

"Gejala buang bayi satu fenomena mengecewakan ramai pihak. Jumlah kes buang bayi semakin meningkat dari semasa ke semasa. Kami percaya masalah ini mampu

mengugat kestabilan institusi kekeluargaan dan masyarakat kita, sekali gus melemahkan negara kalau tidak dibendung segera.

"Program yang berkonsepkan pendidikan dan keagamaan ini dijangka membuka dimensi baru buat penonton di Astro Oasis," katanya ketika ditemui pada majlis pelancaran di Hotel One World, Bandar Utama, baru-baru ini.

Majlis perasmian berkenaan disempurnakan isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor. Turut hadir Pengurus Saluran Astro Oasis, Izelan Basar.

Rosmah menyambut baik usaha syarikat MFDM dan pihak terbabit menghasilkan program berkenaan. Malah, beliau sentiasa mengalukan pembabit syarikat korporat dan swasta untuk menyokong program murni sedemikian.

Pada majlis itu, Rosmah menyampaikan sumbangan kepada beberapa rumah kebajikan termasuk Persatuan

Kebajikan Anak-Anak Pesakit HIV/ADIS Nuru Iman Malaysia (Pernim).

Sementara itu, Pengarah program, Abdullah Abdul Hamid, memberitahu Zuriat

Headline **Zuriat Kita kekang buang bayi**
Date **19 May 2010**
MediaTitle **Harian Metro**
Section **Rap**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **324,097 / 1,981,000**

Language **Malay**
Page No **R2**
Article Size **538 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **11,568**
PRValue **34,703**

Kita ke udara selama 30 minit dan sejam untuk episod khas (episod 12) sebagai inisiatif menangani gejala buang bayi.

"Kami memulakan penyelidikan dua tahun lalu menerusi sumber daripada kes yang terdapat di beberapa rumah kebajikan terpilih. Seperti kami sedia maklum, fenomena sosial ini sering berkait rapat dengan masalah sosial yang lain seperti gejala penyalahgunaan dadah dan Mat Rempit.

"Pengakuan remaja terlanjur juga akan memperjelaskan sebab-sebab yang membawa kepada gejala buang bayi. Pengakuan ini membolehkan kita sebagai masyarakat memahami perspektif isu dengan lebih jelas," katanya.

Tambahnya, program yang berkonsepkan pendidikan, informasi serta memaparkan kisah pengalaman kekeluargaan yang boleh diteladani mengandungi tiga segmen me-

narik iaitu Persektif, Keluarga Bahagia dan Ad Din.

Menerusi segmen pertama penonton akan dapat mengikuti bagaimana pelbagai isu dan topik berkaitan buang bayi dengan paparan temubual bersama pelbagai lapisan masyarakat termasuk pihak berkuasa, pertubuhan bukan kerajaan, remaja, ibu bapa dan tokoh masyarakat.

Dalam segmen Keluarga Bahagia ia memaparkan pelbagai kisah kejayaan dan

pengorbanan yang dilalui pelbagai individu dalam membesarkan anak-anak iaitu individu yang membesarkan anak angkat, anak cacat anggota dan bilangan anak yang ramai.

Menariknya program ini turut dimeriahkan dengan penampilan artis popular sebagai perantara antaranya Aznil Nawawi, Mila AF5, Adibah Noor, Noryn Aziz, Harun Salim Bachik, Aziz Desa, Nazrey Johani, Sharifah Khasif dan Wardina Saffiyah.

FOTO | Yahya Zain dan Goh Thean Howe



LANCAR...antara artis dan petugas yang terbabit dalam program Zuriat Kita.



MESRA...Rosmah bermesra dengan anak Wardina, Imran.